BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Program Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan (Qualified Resident Investor, QRI)

Apakah itu program QRI?

Fleksibiliti dasar pertukaran asing (*foreign exchange policy,* FEP) bagi syarikat pemastautin yang membawa balik dan menukar perolehan dana mata wang asing daripada pelaburan di luar negara kepada ringgit serta mungkin berhasrat melaksanakan aktiviti pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad,* DIA) baharu atau selanjutnya pada masa akan datang.

Siapa yang boleh memohon?

1. Mana-mana syarikat pemastautin yang ingin membawa balik dan menukarkan perolehan dana mata wang asing hasil daripada pelaburan di luar negara.
2. Syarikat pemastautin yang mempunyai amalan tadbir urus korporat yang baik serta mematuhi FEP Bank Negara Malaysia (BNM).

Mekanisme program QRI

- Syarikat QRI yang telah didaftarkan akan diberikan fleksibiliti FEP untuk melaksanakan DIA pada masa akan datang selepas permohonan berjaya didaftarkan dengan BNM.
- Untuk menikmati fleksibiliti tersebut, syarikat QRI hendaklah terlebih dahulu membawa balik dan menukarkan perolehan dana mata wang asing yang layak kepada ringgit dalam tempoh fleksibiliti.

Manfaat kepada syarikat QRI

✓ Penukaran semula dana ringgit yang cekap bagi pelaburan langsung luar negeri pada masa hadapan.

✓ Tidak perlu mendapatkan kelulusan tambahan terlebih dahulu daripada BNM.

Bagaimana cara memohon?

Langkah 1: Permohonan QRI dan penukaran permulaan

a. Syarikat pemastautin hanya perlu melengkapkan pendaftaran sekali sahaja dengan BNM menggunakan borang GEN dalam portal FEP dengan melampirkan borang permohonan yang boleh didapati melalui www.bnm.gov.my/fep.

b. Surat pendaftaran QRI akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya selepas penilaian oleh pihak BNM.

c. Setelah didaftarkan, syarikat QRI boleh memulakan penukaran dana mata wang asing kepada mata wang ringgit.

Langkah 2: Penukaran semula bagi DIA

a. Syarikat QRI boleh meneruskan proses penukaran semula dana mata wang asing bagi tujuan pelaburan langsung luar negeri melalui bank tempatan berlesen (*licensed onshore banks,* LOB).

b. Syarikat QRI perlu mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan termasuk surat pendaftaran QRI kepada LOB bagi memudahkan pelaksanaan transaksi tersebut.

Bilakah tarikh boleh mula mendaftar?

Syarikat pemastautin yang berminat boleh mengemukakan permohonan bermula **1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2028**. Borang permohonan boleh dimuat turun melalui www.bnm.gov.my/fep

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk soalan lazim melalui **www.bnm.gov.my/fep** atau e-melkan sebarang pertanyaan kepada **fepprog1@bnm.gov.my**